

19/11/1997

MTPM UK, Eire sokong Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Tindakan Pelajar Malaysia (MTPM) United Kingdom (UK) dan Eire menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani kemelut ekonomi serta cubaan campur tangan kuasa asing dalam politik Malaysia.

MTPM dalam satu kenyataan hari ini berkata, pihaknya menentang keras sebarang usaha kuasa luar, khususnya ahli Kongres Amerika Syarikat yang mahukan Perdana Menteri memohon maaf secara terbuka atau meletakkan jawatan ekoran kenyataannya yang didakwa anti-Yahudi.

(END)